



REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY (RECODA)
NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

1. Tawaran RFP adalah dipelawa kepada Syarikat/ Koperasi/ Entiti yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Suruhanjaya Koperasi Malaysia/ Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) yang terlibat dalam Sektor Pertanian Tanaman Kontan dan Ternakan Akuakultur serta mengikut syarat-syarat pendaftaran yang berkaitan untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut: -

No. Rujukan	Tajuk RFP	Yuran Dokumen RFP	Jenis Tawaran (RFP)	Tarikh / Masa Taklimat RFP	Tarikh / Masa Mula Penjualan Dokumen RFP	Tarikh / Masa Akhir Penjualan Dokumen RFP	Tarikh / Masa Akhir Penyerahan Dokumen RFP
RECODA/P/RFP/005	REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE APPOINTMENT OF ANCHOR COMPANY TO COMMERCIALLY INVEST, OPERATE AND MANAGE THE INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR) - INISIATIF USAHAWAN TANI (INTAN) IN SARAWAK (AGRICULTURE)	RM100.00 (Dokumen dijual dalam bentuk CD)	Terbuka	18 Jun 2026 Masa Pendaftaran 9.00 pagi – 9.30 pagi Masa Taklimat 10.00 pagi – 12.00 Tengahari Tempat Auditorium Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak	18 Jun 2026 2.30 Petang	1 Julai 2026 4.00 Petang	10 Ogos 2026 12.00 Tengah Hari
RECODA/P/RFP/006	REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE APPOINTMENT OF ANCHOR COMPANY TO COMMERCIALLY INVEST, OPERATE AND MANAGE THE INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR) - INISIATIF USAHAWAN TANI (INTAN) IN SARAWAK (AQUACULTURE)	RM100.00 (Dokumen dijual dalam bentuk CD)	Terbuka	18 Jun 2026 Masa Pendaftaran 9.00 pagi – 9.30 pagi Masa Taklimat 10.00 pagi – 12.00 Tengahari Tempat Auditorium Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak	18 Jun 2026 2.30 Petang	1 Julai 2026 4.00 Petang	10 Ogos 2026 12.00 Tengah Hari

2. Satu taklimat RFP (Wajib) akan diadakan pada **18 Jun 2026, jam 9.00 pagi bertempat di Auditorium Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak**. Pemilik atau wakilnya yang hadir ke taklimat RFP hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat/Koperasi/Entiti dan Salinan Asal Borang 49 SSM atau Senarai Anggota Lembaga Koperasi atau Sijil Pendaftaran Perniagaan (yang mana berkaitan) dan Surat Perwakilan Kuasa.
3. Dokumen RFP hanya akan dijual kepada Tenderer yang menghadiri Taklimat RFP, dan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/ Rakan Kongsi/ Pengarah Syarikat (yang mana berkenaan).
4. Bayaran yuran Dokumen RFP hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Tunai atau Sarawak Pay (Spay Global) atau Draf Bank yang dibayar atas nama Regional Corridor Development Authority.
5. Dokumen RFP boleh disemak dan diperolehi mulai 18 Jun 2026 pada 2.30 petang hingga 1 Julai 2026 pada jam 4.00 petang di alamat Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak.
6. Dokumen RFP yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Tenderer ke dalam Peti Tawaran dan melabelkan **Nombor Rujukan dan Tajuk RFP** seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas. **Dokumen RFP hendaklah diserahkan selewat lewatnya pada 10 Ogos 2026 (Isnin) Jam 12.00 tengahari di alamat seperti berikut:**

Pengerusi
Lembaga Perolehan
Regional Corridor Development Authority (RECODA)
Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak

7. Dokumen RFP yang diterima selepas tarikh dan masa tutup **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Jika dokumen RFP dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, **Tenderer** hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan.
8. Regional Corridor Development Authority tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif,
Regional Corridor Development Authority